



Cabaran
**POLITIK
BAHARU**
Malaysia

disunting oleh
HARIS ZALKAPLI

.9595
CAB



SIRI KOLEKSI RENCANA TERPILIH SIA SAH



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAKSIKAN
PEREMPINAN
PERDANA



Cabaran **POLITIK BAHARU** Malaysia

disunting oleh
HARIS ZALKAPLI

PUSTAKA PERDANA



1007604

Diterbitkan oleh
Media Icon Sdn Bhd (703648-T)
2009





Cabaran Politik Baharu Malaysia
ISBN: 978-983-44689-0-3
© Media Icon Sdn Bhd 2009
Cetakan pertama 2009

Hak cipta terpelihara. Selain petikan ringkas untuk ulasan, tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian buku ini dalam apa juga bentuk, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara-cara lain melainkan mendapat keizinan bertulis terlebih dahulu daripada Media Icon Sdn Bhd, 22C, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur. Perundingan tertakluk kepada perkiraan royalti atau honorarium.

Diterbitkan pada 2009 oleh
Media Icon Sdn Bhd,
22C Jalan Pahang Barat,
Off Jalan Pahang,
53000 Kuala Lumpur, Malaysia.
editorsiasah@gmail.com

Dicetak oleh
Angkatan Edaran Ent Sdn Bhd

Kandungan

Pengantar Penerbit	v
Pengenalan: Selepas Pilihan Raya Umum ke-12, ke mana haluan politik Malaysia?	vii
Bab 1: Antara kecuaiian pimpinan dan cauinisme bukan Melayu	1
Bab 2: Memahami mesej rakyat Malaysia	7
Bab 3: Pilihan raya umum ke-12 dan masa depan pembangkang	11
Bab 4: Memahami tsunami politik PRU 12	21
Bab 5: Memahami sifat budaya politik Melayu	27
Bab 6: Seniman dan intelektual: Antara kelesuan dan kejumudan	35
Bab 7: Drama politik kelirukan rakyat	41
Bab 8: PAS menghadapi cabaran politik baru	47
Bab 9: Pilihan raya kecil Parlimen Permatang Pauh: Strategi Anwar menjadi	51
Bab 10: Politik realisme magis	57
Bab 11: Perbezaan tangani usaha tubuh kerajaan pusat: Pertembungan idea atau perpecahan?	61
Bab 12: Peralihan kepimpinan politik PAS Terengganu	65

Bab 13: Kemenangan Barack Obama: Apa yang berubah?	69
Bab 14: Kongres PKR 2008: Anwar Ibrahim, PAS dan Melayu	73
Bab 15: Pilihan raya kecil Kuala Terengganu: Ukuran prestasi Najib dan cabaran pada PAS	77
Bab 16: Pilihan raya kecil Kuala Terengganu: Peluang terbuka buat PAS ketika Umno leka?	81
Bab 17: Palestin uji retorik hak asasi manusia	85
Bab 18: Sorotan 2008: Tahun duka BN, gemilang Pakatan Rakyat	89
Bab 19: Kemenangan pulih moral PAS	95
Bab 20: Nilai-nilai bahasa	99
Bab 21: Runtuhnya moral demokrasi	105
Bab 22: Mansuh PPSMI gerakan yang tidak bersepadu	109
Bab 23: Banang	113
Bab 24: Bagaimana PPSMI menguatkan lagi pemBaratan ilmu: Sains, bahasa Melayu dan pengIslaman ilmu	119
Bab 25: Islam Liberal: Perkembangannya di Malaysia	125
Bab 26: Apa dia politik baru di Bukit Gantang?	133
Bab 27: Kepimpinan baru Umno dan implikasi Bukit Gantang	137
Bab 28: Keputusan pilihan raya kecil: BN masih ditolak rakyat	141
Bab 29: Sesiapa pun boleh jadi Melayu	145
Bab 30: Kepimpinan ulama dan hala tuju masa depan PAS	149



Pengantar penerbit

SYUKUR alhamdulillah kerana dengan limpah kurnia-Nya penerbit berjaya mengetengahkan kepada khalayak sebuah buku bertajuk *Cabaran Baharu Politik Malaysia*, salah satu daripada *Siri Koleksi Rencana Terpilih Siasah*.

Usaha ini ialah permulaan usaha *Siasah* menerbitkan buku-buku yang merakamkan sejarah semasa tanah air dan bermatlamat memberikan sumbangan kepada debat yang lebih rasional dan didasari ilmu dan maklumat yang tepat dalam pembinaan bangsa dan negara kita ini.

Kompilasi rencana ini dikumpulkan serta dilahirkan menjadi buku kerana memikirkannya sebagai sebuah himpunan perspektif isu-isu politik kenegaraan dan juga berkaitan dengan sosial orang Melayu dan rakyat Malaysia yang semasa.

Rencana-rencana dipilih ialah yang menyentuh isu-isu besar politik tanah air sejak Pilihan Raya Umum ke-12 pada Mac tahun 2008. Sebahagian besarnya menyentuh perkembangan melibatkan parti-parti politik PAS, Umno dan Parti Keadilan Rakyat serta politik negara secara keseluruhan.

Ketiga-tiga parti ini menjadi parti tumpuan ekor an pilihan raya yang menggegarkan negara tahun lalu, berikutan kemenangan yang diperolehi dan penghakisan terhadap kuasa dan pengaruhnya.

Parti-parti terbabit melalui tempoh yang mencabar sepanjang setahun selepas pilihan raya Mac 2008. Sama ada mendapat kuasa



yang lebih banyak atau mengalami kemerosotan kuasa, cabaran besar mendatangi setiap parti.

Isu-isu ini, yang dikupas wartawan dan penyumbang rencana kepada *Siasah* dikumpulkan untuk mengemukakan rekod sejarah politik negara ini kepada pembaca buku sekalian.

Selain isu politik kepartian, isu lain yang cukup besar impaknya kepada negara yakni budaya dan bahasa Melayu turut disertakan.

Perkembangan ini, yang diperhatikan melalui penentangan terhadap pengajaran dan pembelajaran sains dan matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) memperlihatkan negara tidak kekurangan ilmu yang mampu mengupas isu bahasa dengan mendalam dan tuntas.

Hujah-hujah dikemukakan membuktikan kepalsuan alasan mereka yang terlibat mendokong agenda PPSMI dan betapa dangkalnya pemikiran yang memutuskan untuk menerima program yang menjejaskan kemurnian dan jati diri bangsa itu.

Tempoh setahun selepas pilihan raya umum yang lalu ialah satu tempoh yang panjang dalam politik. Pelbagai peristiwa dilalui semua parti terlibat dan seluruh rakyat Malaysia yang terkesan akibat perjalanan politik negara.

Diharapkan usaha *Siasah* ini memberi sumbangan dalam usaha mematangkan politik negara dan menuju kepada politik baharu yang progresif dan tidak dikuasai kepentingan-kepentingan sempit.

Sehubungan itu *Siasah* mengucapkan berbilang terima kasih kepada penyumbang yang saban minggu bertungkus lumus memikirkan dan menulis, serta para pembaca yang meneruskan sokongan kepada *Siasah* sehingga kami berjaya sampai ke tahap hari ini.

Semoga kompilasi ini dapat menyumbang sesuatu yang bermakna kepada perkembangan demokrasi negara tercinta.

PENERBIT



Selepas Pilihan Raya Umum ke-12, ke mana haluan politik Malaysia?

SELEPAS pilihan raya umum pada Mac 2008, Malaysia berdepan dengan satu realiti politik baharu, yang bukan hanya melibatkan apai yang disebut-sebut pembangkang iaitu politik bukan berasaskan kaum dan lebih progresif, tetapi politik yang lebih berani, brutal dan jauh lebih sofistikated berbanding apa yang dikenali sebelum ini.

Politik baharu yang sering disebut-sebut itu mempunyai pelbagai makna, bergantung kepada pemahaman dan agenda kelompok masing-masing. Bagaimanapun, politik baharu selepas peristiwa politik 1998 dahulu ialah politik yang diwarnai wacana baharu yang jauh lebih liberal dan tanpa dipengaruhi sekatan-sekatan yang diketahui selama ini.

Gelombang besar wacana politik dan sosial liberal ini semakin luas, sehingga memaksa parti-parti konservatif berhaluan kanan seperti Umno dan PAS sendiri cuba berwacana dalam bahasa liberal, walaupun ada kalanya kelihatan agak janggal.

Bercambahnya media baru juga memberi input kepada lanskap baharu politik Malaysia ini, dengan penglibatan semakin ramai ahli masyarakat yang jauh lebih luas.

Umno yang selama ini selesa dengan penguasaannya terhadap media cetak dan elektronik negara kita mula berdepan kesukaran memberi respons terhadap mesej-mesej negatif yang dilemparkan kepadanya, dan dalam berdepan gelombang politik liberal ini, Umno



diletakkan sebagai pihak yang paling bersalah dalam politik Malaysia, walaupun banyak serangan dilemparkan itu sangat berlebihan.

Perkembangan ini meletakkan Umno dan Barisan Nasional dalam keadaan yang tidak pernah dialaminya sebelum ini. Umno berada dalam keadaan sangat defensif, dan setiap tindakan dan gagasan pemimpinnya dilayan dengan sinis dan kritikal oleh rakyat.

PAS pula, sebuah lagi parti yang menjadi sandaran orang Melayu – yang sebahagian besarnya konservatif dari segi politik dan sosial – kelihatan dilanda arus liberal ini dengan hebat, yang dapat dilihat antaranya melalui pengaruh kumpulan yang lebih liberal yang dilabelkan kumpulan Erdogan dalam parti itu.

Debat yang hebat tercetus dalam parti ini dalam menangani usaha menubuhkan kerajaan pusat dan mengenai tafsiran kepimpinan ulama menjadi faktor utama persaingan dalam parti ini selepas Pilihan Raya Umum ke-12 tahun lalu.

Politik yang baharu ini menggegarkan PAS yang selama ini tidak memperlihatkan persaingan seperti itu, sehingga menjadikan pemilihan kepimpinan dalam muktamar ke-55 parti menjadi perhimpunan tahunan parti politik Malaysia paling menarik perhatian pada tahun 2009.

Pada masa sama, penyokong-penyokong bukan Muslim parti itu juga semakin lantang menuntut penglibatan yang lebih mendalam dalam parti, dengan menuntut keahlian penuh.

Dengan wacana yang lebih sofistikated dan tuntutan rakyat yang semakin memahami tugas dan tanggungjawab mereka sebagai rakyat negara ini, semua yang terlibat dalam politik negara ini perlu memastikan politik baharu yang rasional tanpa dikuasai sentimen sama ada suka atau benci.

Selepas setahun pilihan raya yang mengubah lanskap politik negara, diharapkan semua yang terlibat telah mengambil pelajaran daripada perkembangan politik selama ini khususnya setahun lalu dan bersedia menjalankan tanggungjawab mereka sebagai rakyat Malaysia sepenuhnya.

Haris Zalkapli ialah pengarang rencana Siasah. Terlibat dengan Siasah sejak ditubuhkan pada Ogos 2005. Menulis blog di politikpop.blogspot.com.